



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 21 MAC 2021**

| <b>BIL</b>                                  | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>    |
|---|---|--|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.                  | ANALISA TELUR DIPEROLEH MASA TERDEKAT, NEGARA, KOSMO -16<br>KEPUTUSAN DALAM MASA TERDEKAT, LOKAL, HM -16<br>ANALISIS DIKETAHUI DALAM MASA TERDEKAT, NASIONAL, SINAR AHAD -7<br>SINGAPORE RECALLS MORE EGGS FROM MALAYSIA, NEWS IN BRIEF, NST -12<br>TELUR AYAM DI PASARAN DIPANTAU ELAK PENCEMARAN, NASIONAL, BH AHAD -17   | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)     |
| 6.<br>7.                                    | BERKUBANG DALM LUMPUR TANGKAP IKAN, DALAM NEGERI, UM -37<br>TANGKAP IKAN DALAM LUMPUR, LOKAL, HM -17  | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | 'MOST YOUNG AGROPRENEURS HITTING THEIR INCOME GOLAS', NATION, SUNDAY STAR -12<br>FISH BREEDER FINDS SUCCESS, NATION, SUNDAY STAR -12<br>MUSNAH HABITAT BUAYA, UDANG GALAH, NEGARA, KOSMO AHAD -14<br>MENANTI REZEKI SUNGAI PERAK, PERSPEKTIF, BH AHAD -35<br>BANYAK SPESIES IKAN HAMPIR PUPUS, KEMBARA, BH AHAD -36<br>PEMBEKAL UTAMA KUTU AIR HIGENIK, XPRESI, METRO AHAD -35<br>WIRA NEGARA KINI 'PAHLAWAN CANGKUL', XPRESI, METRO AHAD -36 | UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)              |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Analisa telur diperoleh masa terdekat

**KUALA SELANGOR** - Hasil analisa semua sampel telur keluaran sebuah syarikat di Jeram di sini, yang dikaitkan dengan bakteria *Salmonella enteritidis* (SE) akan diperolehi dalam tempoh terdekat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Daruk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, penelitian dan pengesanan lanjut masih sedang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Keputusan itu belum diperolehi setakat ini dan mereka (JPV) memerlukan beberapa hari lagi untuk mengesahkannya.

"Kita jangka hasil analisis penuh telur itu akan selesai dalam

tempoh terdekat," katanya ketika ditemui selepas merasmikan outlet Ajiung Coconut Shake 336 di Bestari Jaya di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif 336 Brand Sdn. Bhd, Muhammad Farhan Alias.

Kosmo! sebelum ini melaporkan JPV mengarahkan supaya telur keluaran salah satu daripada 10 buah ladang milik Lay Hong Bhd. (Lay Hong) iaitu ladang CES 008 tidak dibenarkan dijual di pasaran tempatan sebagai telur sajian sehingga keputusan siasatan diperolehi.

JPV turut tidak membenarkan kemasan semula telur CES 008 ke Malaysia berikutan pengesanan kehadiran bakteria SE pada konsinan telur eksport

daripada ladang terbabit.

Kementerian Kesihatan muktamarkan sebanyak 364 sampel telur ayam sudah dianalisis dan hanya dua daripada sampel itu mengandungi SE setakat ini.

Sebelum ini, Singapura telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik dari pasaran telur yang dihasilkan dari sebuah syarikat di Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga.

Agensi Makanan Singapura (SFA) dalam laman web mereka menyatakan arahan itu dibuat berikutan penemuan SE pada produk tersebut yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.



SEBANYAK 364 sampel telur ayam sudah dianalisis dan dua sampel ada mengandungi SE. - GAMBAR HIASAN

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 21/3/2021 | HARIAN METRO | LOKAL   | 16         |

## ISU TELUR TERCEMAR

# Keputusan dalam masa terdekat

**Kuala Selangor:** Keputusan analisis bekalan telur dihasilkan sebuah syarikat di Jeram di sini, susulan dakwaan penemuan bakteria *Somanella Enteritidis* (SE) dijangka diperoleh dalam tempoh terdekat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, ketika ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) masih menjalankan penelitian berhubung perkara itu.

"Penelitian dan pengesahan di peringkat JPV masih belum diperoleh. Mereka memerlukan beberapa hari lagi untuk mengesahkan analisis itu," katanya selepas Majlis Pelancaran Drive Thru Coconut Shake 336 di Anjung 336, Jalan Barium, Bestari Jaya di sini, semalam.

Terdahulu KPDNHEP membuat penilaian kesan terhadap bekalan telur di pasaran domestik dengan kerjasama JPV dan Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM).

Ia susulan tindakan Singapura mengarahkan empat pengimport menarik balik telur keluaran syarikat berkenaan sebagai langkah berjaga-jaga.

Dalam pada itu, Hasnol berkata, pihaknya mendapati telur itu datangnye daripada *dedicated farm* iaitu ladang yang dikhususkan untuk mengeksport ke Singapura.

"Ladang-ladang lain yang membekalkan telur untuk pasaran domestik setakat ini tidak terbabit dengan kewujudan SE, seperti ditemui pihak berkuasa Singapura," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) JPV bagi membuat ujian secara berkala kepada bekalan telur tempatan.

"Apabila ada isu seperti ini berlaku, mereka akan maklumkan kepada masyarakat. Sekiranya ada keperluan untuk menarik semula telur itu, tindakan akan diambil," katanya.

| TARIKH    | MEDIA      | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|------------|----------|------------|
| 21/3/2021 | SINAR AHAD | NASIONAL | 7          |

# Analisis diketahui dalam masa terdekat

Ujian sampel berkala dibuat pastikan telur ayam selamat dimakan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**KUALA SELANGOR**

**K**eputusan keseluruhan analisis sampel telur ayam yang dihasilkan sebuah syarikat di Jeram di sini berikutan penemuan *Salmonella Enteritidis* (SE) yang dikesan di Singapura dijangka diperolehi dalam tempoh terdekat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Agensi terbabit memerlukan beberapa hari lagi bagi memastikan telur keluaran ladang sya-



Hasnol Zam Zam (tiga dari kiri) bergambar pada Majlis Pelancaran Outlet Drive Thru Coconut Shake 336 di Bestari Jaya di sini pada Sabtu.

## TELUR AYAM TERCEMAR

rikat berkaitan bebas SE," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Outlet Drive-Thru Coconut Shake 336 di Bestari Jaya di sini pada Sabtu.

Mengulas mengenai arahan penarikan telur itu oleh Singapura turut menjejaskan bekalan domestik, Hasnol Zam Zam berkata, secara umum telur di pasaran Malaysia masih selamat.

Katanya, setakat ini isu telur tercemar hanya berbangkit di Singapura membabitkan satu ladang yang memang khusus

untuk tujuan eksport ke negara terbabit.

"Ladang untuk pasaran domestik tidak terlibat dengan kewujudan SE seperti ditemui pihak berkuasa Singapura," katanya.

Menurutnya, kementerian berkaitan akan terus membuat ujian secara berkala bagi memastikan bekalan telur ayam tempatan selamat dimakan.

"Apabila ada isu, pihak kementerian akan memaklumkan kepada masyarakat termasuk terdapat keperluan penarikan telur di pasaran domestik," katanya.

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN       | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------------|------------|
| 21/3/2021 | NST   | NEWS IN BRIEF | 12         |



*The Singapore Food Agency says the eggs affected by salmonella enteritidis can be identified by the stamp CEM014. PIC BY HASRIYASYAH SABUDIN*

## Singapore recalls more eggs from Malaysia

**SINGAPORE:** Singapore has recalled eggs imported from another farm in Malaysia due to the presence of salmonella enteritidis.

The eggs can be identified by the stamp 'CEM014' on them, said the Singapore Food Agency in a Facebook post.

As salmonella enteritidis can cause food-borne illnesses if contaminated food is consumed raw or undercooked, the Singapore Food Agency said it directed four importers to recall the product as a precautionary measure.

The importers are An Hong Egg Supplies, Chuan Huat Poultry Farm Pte Ltd,

Dasoon Pte Ltd and FE Supply Pte Ltd.

"The recall is ongoing," the agency said, adding that not all eggs brought in by the importers were affected, only those with the farm code CEM014.

The agency said the bacteria was detected in eggs imported from Linggi Agriculture Sdn Bhd.

The farm had been suspended and the suspension will be lifted only after it rectified the salmonella enteritidis contamination issue, the agency said.

A week ago, Singapore directed four importers to recall eggs from Lay Hong Bhd's farm in Jeram, Malaysia. **Bernama**



Alexander (kiri) pada Program Malaysia Prihatin di Kuching, semalam.

(Foto BERNAMA)

**Kes yang berlaku**  
sebelum ini terkawal dan anggota penguat kuasa sentiasa memantau serta memeriksa untuk mengesan jika ada telur di pasaran tempatan yang tercemar.

Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna

## Telur ayam di pasaran dipantau elak pencemaran

Kementerian beri jaminan buat pemeriksaan elak wujud SE dalam produk

Oleh Mohd Roji Kawi  
dan Aminul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuching:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan berterusan terhadap telur ayam di pasaran tempatan bagi mengesan kemungkinan adanya pencemaran Salmonella Enteritidis (SE).  
Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya tidak akan membiarkan isu itu menjadi masalah besar sehingga boleh memudaratkan pengguna.

Beliau berkata, selepas kes pertama dikesan minggu lalu, penguat kuasa KPDNHEP menanganinya dengan baik dengan mengesan produk dicemari SE.

Katanya, langkah sama diambil selepas Agensi Makanan Singapura (SFA) mengesan produk dari satu lagi ladang pengeluaran telur ayam di negara ini dicemari SE.

"Kes yang berlaku sebelum ini terkawal dan anggota penguat kuasa sentiasa memantau serta memeriksa untuk mengesan jika ada telur di pasaran tempatan yang tercemar."

"Kami akan bertindak segera jika berlaku lagi pencemaran serupa bagi mengelak ia menjadi masalah besar kemudian nanti," katanya.

### Salmonella Enteritidis (SE)

**PUNCA**

- Manusia
- Haiwan perosak
- Lipas Tikus Lalai
- Haiwan liar dan peliharaan
- Anjing Kelawar

**Tanda jangkitan**

- Demam
- Muntah
- Cirit-birit
- Loya
- Sakit perut

**Tempoh jangkitan**

72 jam

**Cara pencegahan**

- Masak ayam, daging dan telur dengan sempurna (melebihi 75 darjah Celsius)
- Elak makan daging mentah dan secara masak
- Guna peralatan berasingan seperti pisau dan papan memotong untuk daging mentah serta yang sudah dimasak
- Cuci tangan selepas sentuh haiwan serta sebelum, semasa dan selepas mengendalikannya

**Cara elak SE dalam telur**

- Cuci telur dengan sempurna sebelum guna
- Elak guna telur yang sudah retak atau pecah
- Masak telur dengan sempurna sehingga bahagian kuning dan putih telur menjadi keras sebelum dimakan

**Makanan biasa dikaitkan**

- Daging, ayam dan produk berasaskan ayam
- Telur dan hasil telur
- Susu dan hasil ternusu (keju, krim, kastard dan susu mentah)

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Malaysia Prihatin di Hotel Waterfront, di sini, semalam.

Kelmarin, Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan beberapa pengimport untuk menarik balik telur dari Linggi Agriculture di Malaysia, selepas mengesan kewujudan bakteria SE pada produk tersebut.

La kali kedua dalam masa seminggu SFA menarik balik telur

dari ladang di Malaysia kerana pencemaran SE.

Pada 12 Mac lalu, SFA mengemukakan telur dari Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram turut ditarik balik dari pasaran.

Dalam satu kenyataan media, SFA berkata, ladang Linggi Agriculture digantung operasi dan pengangkutan terbahagi hanya ditarik balik apabila ladang itu memperbaiki masalah pencemaran SE.

Telur yang terjejas mempunyai kod 'CEM014' yang tertera pada kulkunya dan diimport oleh An Hong Egg Supplies, Chuan Huat Poultry Farm Pte Ltd, Dasoon Pte Ltd serta FE Supply Pte Ltd.

Sementara itu, di Kuala Selangor, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata keputusan analisis telur dikeluarkan syarikat di Jeram, di sini, yang didakwa mengandungi SE, dijangka diperolehi dalam tempoh terdekat.

"Penelitian dan pengesanan di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) masih belum diperolehi. Mereka memerlukan beberapa hari lagi untuk mengesahkan analisis itu," katanya.

Hasnol berkata, pihaknya mendapati telur mengandungi SE itu datang dari ladang khas, khusus untuk mengeksport ke Singapura.

"Ladang lain yang membekalkan telur untuk pasaran domestik setakat ini tidak terbahagi dengan kewujudan SE seperti ditemui pihak berkuasa Singapura," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta JPV bagi membuat ujian secara berkala bekalan telur tempatan.

"Apabila ada isu seperti ini berlaku, mereka akan maklumkan kepada masyarakat. Sekiranya ada keperluan untuk menarik semula telur itu, tindakan akan diambil."

"Setakat ini, berdasarkan maklumat dan kerjasama Kementerian dengan agensi berkaitan, telur yang diambil hanyalah berkaitan dengan ladang yang mengeksport ke Singapura," katanya.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 21/3/2021 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 37         |



**SEBAHAGIAN** peserta bermandi lumpur untuk menangkap ikan di Bendang Tok Ajam, Pasir Puteh, semalam.

## Berkubang dalam lumpur tangkap ikan

**PASIR PUTEH:** Suasana di sekitar Bendang Tok Ajam, di sini gamat apabila peserta pertandingan menangkap ikan di tali air terpaksa berkubang dalam lumpur tebal.

Pertandingan itu diadakan sempena sambutan Hari Ladang anjuran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu

(KADA).

Pertandingan itu menyeronokkan kerana peserta terpaksa berendam dalam lumpur pekat untuk menangkap ikan yang licik dan licin.

Banyak ikan seperti keli, sepat kedah, belida dan sebagainya ditangkap menggunakan serkap tradisional.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 21/3/2021 | HARIAN METRO | LADANG  | 17         |

### Tangkap ikan dalam lumpur



**SEBAHAGIAN** petani yang menyertai acara menangkap ikan pada sambutan Hari Ladang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. (Kada) Jajahan Pasir Putih di Bendang Tok Ajang, semalam. Majlis itu disempurnakan Pengerusi Kada Datuk Kamarudin Md Nor.



# Fish breeder finds success

## Wheelchair-bound man rears hybrids popular with collectors

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**SIMPANG RENGAM:** Despite being wheelchair-bound, Mohd Faizal Khamis worked hard to become a successful breeder of Siamese fighting fish or betta.

The 39-year-old began breeding betta about nine years ago while in between jobs.

He had just completed a course in television and radio repair conducted by the Recovery and Industrial Training Centre in Bangi, Selangor.

He learned about betta breeding online and found that it was gaining popularity among fish collectors in the country.

"There are no specific courses or training programmes on how to breed these fish and I only learned the trade after becoming friends with other betta breeders whom I met either through social media or competitions," he said.

Mohd Faizal uses a wheelchair after suffering complications from a blood clot in his nervous system when he was 11 years old.

From his first purchase of a pair of betta, he now has thousands which he breeds at his home along Jalan Haji Amir here.

Sales of the fish has helped him earn a stable income.

"One female betta can lay up to 400 eggs at one time, which will take at least three months to reach maturity.



**Profitable venture:** Mohd Faizal checking on his collection of Siamese fighting fish, numbering in the thousands, at his home in Simpang Renggam, Johor. — THOMAS YONG/The Star

"Before buying a fish, collectors usually will look at its size, colour, health and fins," he said, adding that each pair would be sold at around RM500.

The types collectors usually wanted were half moon, crown tail and dumbo.

He said the betta which he bred were hybrids, which are cross-bred

from wild betta, to create different types of fish to meet the demand of his customers.

During the current movement control order, his business dropped slightly as his customers, who are mostly from other states and Singapore, could not travel to pick up their orders from him.

For now, his customers were fel-

low Johoreans. Those outside the state would receive their fish via postal service.

Mohd Faizal said he once received an order from a customer from Britain who wanted to buy a pair of betta but it was not possible to send the so far away as it cannot survive in a stressful environment.

The weather in England was also

not conducive to the fish as they are more suited to temperate climates, he said, adding that the fish could last between four to five years if taken care of properly.

Mohd Faizal said that most of his customers were collectors who would participate in many local tournaments in the country.

"The tournaments are like beauty pageants where fish are judged based on their colour, tail and fins."

"In the past, such tournaments were usually held once a year. But now they are held on a monthly basis with prize money that can go up to thousands of ringgit," he added.

Mohd Faizal hopes to breed 20,000 betta one day and set up his business at a proper premises soon.

Watch the video  
TheStarTV.com



## 'Most young agropreneurs hitting their income goals'

**SANDAKAN:** About 95% of participants of the Young Agropreneur Programme under the Agriculture and Food Industries Ministry have managed to increase their income.

Director of the ministry's Young Agropreneur Unit, Mohammad Ezri Shamsuddin said the target of raising their income by over 50% was achieved since the programme was offered in 2016.

"Some programme icons are now millionaires in the agriculture sector," he told reporters after the Beluran District Agro Entrepreneurs Clinic Programme here.

On those who failed to increase their income, Mohammad Ezri said the ministry would continue to help them by offering advisory services.

"The programme grant is a one-off thing but the ministry will help them rise again in their agriculture endeavour."

"We are aware that doing business is not easy. But the ministry always encourages youths to venture into agriculture and to remain active in the field," he added.

Iswan Sonteng, political secretary to the minister, said the programme had assisted 6,969 young agropreneurs aged 18 to 40, with 6,908 of them receiving grants amounting to RM121.96mil while the other 16 received aid for funding totalling RM4.26mil since 2016.

In Sabah, he said, 534 young agropreneurs received grants amounting to RM8mil since 2016 and another 86 receiving a total of RM1.65mil in 2020, compared to 73 receiving it in 2019 and 23 in 2018. — Bernama

21/3/2021

KOSMO  
AHAD

NEGARA

14

Projek KLIP beri impak besar kepada ekosistem hidupan air di Sungai Linggi

# Musnah habitat buaya, udang galah

ZAKWA WATI AHMAD TARMIZI

**REMBAU** - Pembinaan Pelabuan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) yang bernilai RM15 bilion perlu dialihkan ke tempat lain bagi mengelakkan habitat semulajadi dan alam sekitar di Sungai Linggi rosak dan diganggu.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Dr Ahmad Ismail berkata, kehutukan KLIP yang terletak di sempadan Melaka dan Negeri Sembilan akan memberikan impak besar kepada kawasan pembibakan hidupan air dan lokasi pelancongan sekitar Sungai Linggi.

Katanya, Sungai Linggi mempunyai pelbagai ekosistem dan habitat termasuk buaya, udang galah, kelip-kelip yang pastinya akan musnah dan menjejaskan pendapatan penduduk setempat jika pembinaan KLIP diteruskan.

"Projek ini tiada pentuan dan terang-terangan memberi kesan negatif. Kenapa perlu pelabuhan tersebut? Carilah lokasi lain yang tidak mengganggu alam sekitar," katanya ketika ditemui di Jeti Pangkalan Nelayan Sungai Timun



AHMAD menunjukkan kawasan habitat semula jadi di Sungai Timun yang bakal terjejas sekiranya projek KLIP dilaksanakan di Kuala Linggi, Melaka.

dekat sini semalam. Sebelun ini, akhbar melaporkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun

dipetik sebagai berkata, kerajaan negeri akan membantah pembinaan KLIP jika tidak mematuhi laporan Penilaian Impak Alam

Sekeliling (EIA) Jabatan Alam Sekitar.

Susulan kenyataan tersebut, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri

Sulaiman Md Ali memberitahu, kerajaan negeri juga sedia untuk membatalkan projek itu sekiranya tidak mematuhi syarat EIA.

Difahamkan, KLIP akan memulakan pembinaan pada suku pertama tahun ini yang mengambili masa lima hingga lapan tahun bagi menambak laut seluas kira-kira 248 hektar.

KLIP akan memberikan perkhidmatan kepada kapal antarabangsa, menempatkan tangki simpanan cecair, limbu, ngerang pembalakan kapal, fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk fasiliti hampitan kapal.

Sementara itu, Pengerusi Peratuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam berkata, tiada sebarang perjumpaan atau pernerangan diberikan kepada peratuan nelayan berkaitan impak KLIP.

"Ia projek kerajaan Melaka namun bersempadan dengan Negeri Sembilan. Kami rayu projek ini ditahlikkan.

"Jika tidak boleh, kami berharap ada pampasan yang dibayar kepada nelayan," katanya.

bminggu@bh.com.my

# PERSPEKTIF



Sejukkan badan di Jeram Tebrau

Muka 37

Dilema 'rider' hantar makanan status diragui halal

Muka 42



## Menanti rezeki Sungai Perak

Nelayan darat teruja, buat persiapan tunggu musim Monsun Barat Daya

Oleh Mohd Rashid Yusof  
bhnews@bh.com.my

Saban tahun, menjelang April dan Mei saat dinanti-nantikan nelayan darat di Sungai Perak, khususnya di Lenggong kerana bermulanya musim Monsun Barat Daya yang membawa rezeki lumayan buai mereka.

Pada bulan itu perairan antara Empangan Chenderoh dan Kenering, suasana bertukar meriah bagaikan pesta apabila nelayan akan memukat pelbagai spesies ikan terutama patin, temoleh, jelawat, kelabau, tengalan, kerai, lampam jawa, ara atau ruhu dan sebagainya.

Misalnya, tahun lalu ada nelayan berjaya memukat seekor ikan temoleh seberat 45 kilogram (kg) dan dijual dengan harga RM3,600 seekor.

Justeru, ketika ini, nelayan sibuk menyediakan pukat hanyut dan peralatan lain bagi menunggu musim pesta bermula.

Sepanjang tahun lalu, kira-kira 100 nelayan memukat lebih 1,000 ekor patin dan lebih 10,000 ikan sungai pelbagai spesies.

Hampir 90 peratus ikan terbahit dinaikkan menggunakan pukat hanyut, iaitu kaedah paling sesuai dan mudah di kawasan air yang mengalir deras.

### Umat rezeki

Nelayan Ahmad Hussaini Mokhtar, 49, dari Kampung Luat, teruja ingin mengulangi sejarah tahun lalu, pada musim kali ini yang dianggap lubuk rezeki.

Katanya, pada musim lalu, beliau tidak menyangka pukat barunya yang kali pertama digunakan membawa tuah apabila seekor ikan temoleh seberat 45kg menyangkut di pukat itu.

"Pukat selebar 25 sentimeter (cm) diturunkan jam 3 pagi memerangkap ikan temoleh dan ambil masa hampir sejam untuk dinaikkan dengan bantuan adiknya.

"Ikan temoleh itu dijual RM3,600 seekor, iaitu RM80 sekilogram.

"Ada kawan lain berjaya menaiki ikan patin seberat 31kg dan ikan ruhu seberat 20kg," katanya.

Lihat muka 36

Kamarkuzaman bersama 5 patin liar Sungai Perak yang berjaya didaratkannya dengan menggunakan pukat hanyut.



# Banyak spesies ikan hampir pupus

Banyak spesies ikan di Sungai Perak semakin berkurangan dan sebilangannya hampir pupus disebabkan kedegilan nelayan menggunakan saiz pukat yang tidak dibenarkan.

Ketua My Komuniti Perikanan Kampung Luat, Mohd Nor Ismail, berkata di Empangan Chenderoh dan Kenering, spesies ikan batu ulu, hangus ekor, ikan parang dan kelah antara yang pupus.

Namun, ikan temoleh, kerai, terbul, kawan masih lagi ada.

"Kebanyakan ikan pupus dan hampir pupus disebabkan aktiviti nelayan menggunakan pukat bersaiz 6.2cm dan 3.7cm.

"Jabatan Perikanan Negeri Perak (JPNP) hanya membenarkan nelayan menggunakan pukat bersaiz 7cm bagi menangkap ikan kecil seperti loma, terbul, kawan dan lain-lain.

"Di tasik dan suak menjadi kawasan ikan membesar, tetapi jika gunakan pukat yang dilarang ia menjadikan ikan itu tidak sempat bertelur kerana tersangkut pada pukat.

"Ada nelayan menggunakan karan, bom, tuba dan memarah menyebabkan ikan pupus, selain ada ikan pemangsa seperti ikan raja, keli Afrika, baung ekor merah dan patin mekong," katanya.

Justeru, dengan pelepasan benih ikan dan udang galah setiap tahun oleh JPNP, ia membantu mengatasi masalah kekurangan pendaratan spesies di Sungai Perak dan mampu merencanakan aktiviti nelayan darat.

## Jangan guna bom

Ketua Perikanan Daerah Hulu Perak, Mohamad Hafiz Mazalan, berkata nelayan perlu mematuhi peraturan ditetapkan JPNP bagi mengelak kepupusan sumber ikan.

Katanya, pendapatan nelayan akan terjejas jika keadaan itu berterusan.

"Ikut saiz pukat ditetapkan, selain boleh guna rawat dan bubu, tetapi

jangkan guna karan elektrik, bom serta tuba.

"Kita benarkan pelepasan benih ikan, tapi biar ikan asli dari perairan kita, bukan ikan dari spesies luar seperti ikan raja, keli Afrika, baung merah, patin Mekong, peacock bass dan jenis pemangsa," katanya.

Tahun lalu, 100,000 benih pelbagai spesies ikan dan 500,000 benih udang galah dilepaskan di perairan antara Chenderoh dan Kenering.

Tahun ini, pihaknya akan melepaskan lagi anak baung, lantai (kacukan lampam dan kerai), patin, lampam ekor merah dan udang galah.

Ikan kerai adalah spesies ikan mahal yang semakin berkurangan di Sungai Perak.

Bot nelayan di kawasan Sungai Perak yang menjadi tumpuan pesta memukat pelbagai spesies ikan setiap April dan Mei.



## Nelayan sudah tidak sabar

### Dari muka 35

Nelayan, Abdul Rahman Maban, 47, dari Kampung Putau Cheri, Luat, berkata beliau sudah menyewakan pukat selebar 15cm dan 25cm dengan harapan lebih banyak spesies ikan dapat ditangkap, mulai April ini.

"Pukat yang ada sudah rusak dan digantikan dengan yang baharu. Saya upah kawan pasang kaja pukat, bambu dan pelampung.

Tahun lalu, saya mendaratkan 47 patin dan pelbagai spesies ikan seperti lampam dengan nilai jualan melebihi RM10,000 sepanjang musim itu," katanya.

### Jualan lebih RM15,000

Nelayan, Kamarulzaman Jalek, 57, dari Kampung Bukit, Longgong, berkata tahun lalu, beliau mendaratkan 45 ekor patin dan lain-lain spesies dengan hasil jualan lebih RM15,000.

Katanya, selain menangkap ikan dengan menggunakan pukat hanyut, beliau mengambil upah memasang kaja pukat, iaitu RM35 bagi setiap seorang.

Musim ini turut menerima upah membuat dayung atas permintaan nelayan, bayaran RM20 bagi setiap sebilah dayung.

"Pasang kaja dan batu timah pemberat, kerja renyah dan mengambil masi berlari-lari jadi ramai nelayan mengupah saya memasanginya," katanya.

Kini, rata-rata nelayan tidak sabar untuk menangkap pelbagai spesies ikan dengan menggunakan pukat hanyut dan tahan di air deras, selain

jala dan rawat di kawasan air tenang. Pukat hanyut kaedah menangkap ikan dengan menghanyutkan pukat, kemudian meragangkan atau merentang pukat dipusing dengan tali jala.

### Pesta bakal bermula

Kemudian pelampung yang ikat itu akan terapung di permukaan air, selain dipasang kaja dan dikat dengan batu timah pemberat.

Pukat ditrogang (ditarik) dengan motorbot) dari tepi sungai melintang hingga ke sebarang sungai, seterusnya dihanyutkan dan dikawal nelayan menggunakan dayung.

Sepanjang pukat dihanyutkan ikan akan tersangkut pada pukat dan kemudian dinaikkan.

Saiz dibenarkan adalah pukat hanyut berukuran 15cm hingga 25cm untuk menangkap ikan besar seperti tengalan, kelabau, jelawat, kerai, lampam jawa, baung, ara atau rulu, patin, haung dan lain-lain.

Pukat besar diturunkan nelayan pada musim hujan, ketika air pasang dan keruh, di Sungai Perak. Keuku-itu ikan melepaskan telur terutama loma.

Lazimnya berat ikan ditangkap antara 10 dan 30 kilogram seekor.

Patin biasanya membesar di kawasan tasik, seperti Tasik Raban, Tasik Kota Jampuan Air, Tasik Beng, Batu Reng, Kenering, selain di Saik (Suak Puring, Rebau, Terpan, Sadang dan lain-lain).

Musim pesta ini ini berterusan antara Jun hingga September, tetapi jumlah pendaratan ikan semakin berkurangan, berbanding April dan Jun.

## AGRO

Teka dan foto Mohd Armin Jali  
rencana@metro.com.my

Minat mendalam dalam bidang akuakultur mendorong sepasang suami isteri meninggalkan kerjaya sebagai pensyarah untuk membiatkan diri dalam perternakan kutu air (*moina*) higienik sehingga menjadi pembekal utama di negara ini.

Pada mulanya, pasangan Mohamad Faez Saharudin dan Nurul Azwa Abdul Rahman, masing-masing berusia 37 tahun, sekadar menjual ikan pelaga atau nama saintifiknya *Betta splendens* secara kecil-kecilan.

Namun, aras keinginan tinggi untuk berjaya, bekas pensyarah sebuah kolej kemahiran swasta di Melaka itu mula mengorak langkah dan kini menjadi pembekal utama makanan hidup atau kutu air higienik serta ikan laga.

Sambutan yang diterima begitu mengalakkan hingga pasangan itu tidak cukup tangan untuk membekalkan kutu air higienik yang ditenak sendiri secara komersial.

Mohamad Faez berkata, kutu air adalah elemen paling utama dalam industri akuakultur, khususnya bagi industri hatceri untuk penghasilan benih ikan dan udang yang berkualiti serta sihat.

Kata Mohamad Faez, kebiasaannya pengusaha ikan pelaga mendapatkan bekalan kutu air hidup seperti *Moina sp* diperolehi dari sumber yang kotor seperti loji kumbahan atau longkang tercemar.

"Keadaan itu bukan saja boleh menjejaskan tahap kesihatan, ikan tetapi juga boleh memberi kesan kepada kesihatan pengusaha itu sendiri.

"Isu kos makanan hidup import yang semakin mahal seperti *Artemia spp* menyebabkan kos operasi hatceri semakin meningkat.

"Menyadari hakikat itu, kami mengambil peluang membangunkan perusahaan kutu air secara higienik dan mengkomersialkan secara aktif mulai 2018," katanya ketika ditemui di pusat penternakan kutu air NS Betta miliknya, di Kampung Kayu Ara Mambau, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Menurut Mohamad Faez, pengetahuan mengenai teknologi



Aff mengandungi bahan semesta jadi dan baja khas menjadi sebahagian proses ternakan kutu air higienik usahawan Mohamad Faez serta Nurul Azwa.

# PEMBEKAL UTAMA KUTU AIR HIGENIK

Kajian dibuat terlebih dahulu pastikan produk berkualiti, tidak beri kesan sampingan kepada ikan laga dan pengusaha



MOHAMAD Faez menunjukkan antara tangki ternakan kutu air higienik.

ternakan kutu air secara intensif dan higienik diperolehi selepas mengikuti kursus jangka pendek di Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar, Glami Lemi, Jelebu, Negeri Sembilan.

Lulusan bidang mekaniikal dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ini berkata, pihaknya turut membuat beberapa kajian sebelum berjaya menghasilkan kutu air yang dikeluarkan sekarang.

Katanya, kajian itu untuk memastikan produk dikeluarkan benar-benar berkualiti dan tidak memberi kesan sampingan bukan sahaja kepada ikan laga, tetapi juga pengusaha. "Kami juga mendapat sokongan daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) terutama khidmat

nasihat dan kepakaran," katanya yang memulakan projek kutu air itu pada 2018.

Jelas Mohamad Faez, setakat ini pihaknya berjaya mengeluarkan tiga jenis kutu air iaitu *Moina sp*, *Moina Thai* dan *Daphnia Magna* selain turut mempertingkatkan lagi perusahaan ikan laga.

Usahawan berasal dari Perak ini berkata, sekarang pihaknya memiliki 25 tangki ternakan kutu air higienik dengan tempoh menuai mengambil masa dua minggu secara pusingan.

Kata Mohamad Faez, setiap tangki mampu menghasilkan 500 gram (g) kutu air higienik dan setiap bulan boleh mengeluarkan sekitar 15 kilogram dengan harga yang dipasarkannya RM5 bagi setiap 10g.



Isu kos makanan hidup import yang semakin mahal seperti *Artemia spp* menyebabkan kos operasi hatceri semakin meningkat

**MOHAMAD  
FAEZ**

# WIRA NEGARA KINI 'PAHLAWAN CANGKUL'

Kebun Komuniti Bandar Springhill beri sumbangan ekonomi golongan pencen selain peluang beriadah



MELEBAT tanaman cili yang diusahakan secara fertigas.

## AGRO

Teks dan foto Mohd Khidir  
Zakaria  
rencana@hmetro.com.my

Kami akan teruskan projek ini walaupun kekurangan modal kerana sedikit sebanyak ia membantu terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang

## SUMARI

Berladah dan pada masa sama menambah pendapatan antara tujuan kebun komuniti ini ditubuhkan sejak tujuh tahun lalu yang kini menjadi 'port' orang pencen yang kebanyakannya bekas tentera dan polis.

Seramai sembilan peserta Kebun Komuniti Bandar Springhill mengusahakan sebidang tanah seluas 0.9 hektar di fasa 1, Bandar Springhill, Port Dickson, Negeri Sembilan dengan tanaman pelbagai sayur-sayuran dan buah-buahan sejak 2014.

Menurut pesara tentera, Abdul Aziz Mohd Yunus, 57, dia seronok kerana ada aktiviti selepas bersara sejak 15 tahun lalu.

"Pernah juga cuba bekerja selepas bersara daripada tentera, tetapi berkebudan lebih seronok kerana ia lebih santai dan pada masa yang sama dapat mengeluarkan peluh.

"Aktiviti ini kami lakukan setiap pagi dan petang saja bagi memantau hasil tanaman seperti membaja dan menyiram sayur daripada pelbagai jenis seperti cili api, bayam merah, terung, kangkung, kacang botol, sawi selain jagung serta pokok buah-buahan," katanya.

Bagi rakannya, Mazlan Abd Wahid, 55, dia mula



MAZLAN (kiri), Sumari (tengah) dan Abdul Aziz melihat benih kacang panjang.

agak lewat menyertai kebun komuniti ini kerana mereka sudah berkecukupan dan dia juga satu tempat untuk kami beriadah sambil mengeluarkan peluh selain lebih seronok apabila hasil dituai nanti.

"Buat masa sekarang, jagung dalam proses mengeluarkan hasil, mungkin dalam seminggu

dua lagi dan sayur-sayuran pula sudah boleh dikutip serta dijual kepada peraih atau kami jual sendiri ke kedai berhampiran," katanya.

Sementara itu, Ketua Projek Kebun Komuniti Bandar Springhill, Sumari Anid Ridjoh, 58, berkata, projek ini sudah bermula sejak 2014 dan masih beroperasi sehingga kini.

"Kalau dulu projek ini dipantau Jabatan Pertanian Port Dickson dan mereka sering membantu memberikan khidmat nasihat dan benih, baja serta bantuan peralatan pertanian

tapi sekarang sukar untuk kami dapat bantuan kerana mereka berpendapat projek kebun komuniti tidak termasuk dalam projek pertanian yang layak menerima bantuan.

"Atas sebab itu, kami membuat sendiri dan mengeluarkan modal secara kutipan sesama peserta tanpa bantuan mana-mana pihak. Kami akan teruskan projek ini walaupun kekurangan modal kerana sedikit sebanyak ia membantu terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang," kata bekas tentera ini.

Katanya, modal untuk semua projek ini dikutip hampir RM3,000 untuk persiapan dari mula sehingga mengeluarkan hasil yang akan dikumpul untuk projek seterusnya.

"Antara perkara yang perlukan modal yang besar seperti meratakan tanah, mengembur tanah, meracun, baja organik, benih jagung dan sayur-sayuran serta pembajakan manakala cili pula ditanam secara fertigas.

"Air pula kami pam daripada sungai berhampiran ke kawasan kebun yang bersebelahan dan ini membuatkan projek pertanian ini menjadi mudah untuk diusahakan kerana dekat dengan punca air," katanya.

Sumari juga berharap permohonan mereka mendapatkan bantuan daripada Jabatan Pertanian dipertimbangkan.

"Kami juga menyumbang dalam menghasilkan produk pertanian walaupun dalam skala yang kecil kerana hanya bergantung kepada tulang empat kerat peserta kebun komuniti bagi menjimatkan kos.

"Hampir semua yang terlibat dalam projek ini ialah pesara tentera dan polis, kalau dulu kami memiliki senjata menjaga keamanan negara, sekarang kami 'pahlawan cangkul' berbakti kepada tanah," katanya berseloroh.